

20/08/2001

Banyak agensi belum tubuh Majlis Bersama Jabatan

KUALA LUMPUR, Ahad - Masih banyak agensi kerajaan peringkat negeri dan Persekutuan yang belum menubuhkan Majlis Bersama Jabatan, manakala sesetengah agensi yang sudah menubuhkannya gagal menghantar perlembagaannya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata sehingga 30 April lalu, hanya 987 MBJ ditubuhkan pada peringkat Persekutuan dan negeri berbanding 1,623 yang sepatutnya ditubuhkan di seluruh negara.

Bagaimanapun, bilangan sebenar MBJ yang sepatutnya ditubuhkan tertakluk kepada keperluan dan kepentingan di samping budi bicara ketua jabatan.

"Bagi membantu agensi kerajaan menubuhkan MBJ, JPA sudah dan akan terus mengadakan taklimat dan penerangan mengenai tanggungjawab jabatan berhubung perkara itu.

"Sebagai langkah memastikan agensi awam memandang serius mengenai perkara ini, JPA kini diminta memberikan laporan kemajuan penubuhan dan perjalanan MBJ secara berkala kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya dalam wawancara dengan pasukan komunikasi Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Penubuhan MBJ ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992. Ia bertujuan supaya semua anggota dalam agensi kerajaan bekerjasama menangani kelicinan pekerjaan dan kebajikan pekerja.

(END)